



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 7 OGOS 2024 (RABU)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	• QASEH RANIA KETENGAH BAKAT DI JERMAN, PERSONALITI JADI KELEBIHAN
2.	THE STAR	• SIGNING UP SUPPORT FOR TSSC 2024

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• SIGNING UP SUPPORT FOR TSSC 2024

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	DBKL	• INTENSIFY EFFORTS TO MAKE KUALA LUMPUR WALKABLE CITY • JINJANG UTARA PROJECT BENEFICIAL
2.	SINAR HARIAN	DBKL	• PROJEK PERUMAHAN BAHARU PERLU ADA BLOK MADANI

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• LICENSED TRADERS TO BE GIVEN LOTS AT SHAH ALAM SPROTS COMPLEX • WORK HARDER AFTER PAY RISE
2.	SINAR HARIAN	• PENYELARASAN GAJI: PM MAHU PENJAWAT AWAM BERI PERKHIDMATAN TERBAIK • PENJAWAT AWAM GEMUK • KPN RANGKA 5 INISIATIF BERJUMLAH RM290j • AKSES BANTUAN PERUBATAN KEPADA ASNAF SECARA DIGITAL • SIBS 2024 SESI PERTAMA CAPAI MATLAMAT
3.	HARIAN METRO	• PPAM TUNAI IMPIAN PENJAWAT AWAM MILIKI RUMAH • POPULASI DI IBU KOTA MENINGKAT 2.25% KL ADA LEBIH 8.8j PENGHUNI • KEKUATAN EKONOMI DOMESTIK KUNCI RINGGIT TERUS KUKUH
4.	KOSMO	• KAEDAH KASAR KENAIKAN GAJI PENJAWAT AWAM DIUMUM BULAN INI • PM MAHU FOKUS ISU KARTEL, MONOPOLI BARANGAN KEPERLUAN MELALUI BELANJAWAN 2025 TANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT • KERAJAAN RUGI BESAR JIKA TERUS HARAPKAN WARGA ASING : UTAMAKAN PEKERJA MAHIR TEMPATAN • SUMBER ALAM SEKITAR BANYAK POTENSI
5.	BERITA HARIAN	• PENGELUARAN KWSP AHLI MENINGGAL TANPA PENAMA HANYA BOLEH DIBUAT WARIS TERDEKAT • KAEDAH 'KASAR' SSPA DIUMUM DAHULU • BELANJAWAN 2025 TUMPU KOS SARA HIDUP, KENAIKAN HARGA BARANGAN
6.	UTUSAN MALAYSIA	• TARIK SUBSIDI, TUTUP OPERASI JIKA SELEWENG DIESEL
7.	NEW STRAITS TIMES	• ANWAR: CIVIL SERVANTS PAY MECHANISM WILL BE SHARED SOON • BUDGET TO FOCUS ON COST OF LIVING
8.	THE SUN	• PROVIDE BETTER SERVICE AFTER SALARY ADJUSTMENT • MALAYSIA'S SERVICES PRODUCER PRICE INDEX INCREASES 0.7% IN SECOND QUATER

SELANGORKINI ONLINE
TARIKH: 09 OGOS 2024

Qaseh Rania ketengah bakat di Jerman, personaliti jadi kelebihan

by Suhaila Shahrul Annuar 2 August 6, 2024 2:13 pm



Pemain Liga Super Wanita Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) Qaseh Rania Khairul Najib bersama Ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Ahmad Azri Zainal Nor sebelum berlepas ke Jerman menjalani sesi percubaan dengan kelab VfL Wolfsburg. Foto Harun Tajudin/MEDIA SELANGOR

Sementara itu Ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Ahmad Azri Zainal Nor berkata pihaknya komited menentang bakat dalam pelbagai bidang untuk melonjak mereka ke peringkat lebih tinggi.

Katanya MBI pernah membantu membangunkan bakat Rania sejak 2020 termasuk menaja kos RM15,000 ketika mengikuti program latihan bersama kelab NK Osijek (Liga 1 Croatia) pada 2022.

"Penting untuk kita bantu bakat istimewa ini agar tidak terkubur yang akhirnya merugikan negeri dan negara.

"Kita juga sedang menunggu kertas kerja akhir dari Wolfsburg untuk kerjasama kejurulatihan dalam Akademi Merah Kuning untuk terus memantapkan sistem yang ada," katanya.

Untuk rekod, pemain muda yang bermain sebagai posisi penyerang tengah itu pernah meraih anugerah Pemain Muda Terbaik bagi saingan Liga Super Wanita FAS 2023 ketika beraksi bersama pasukan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) FC.

Ketika 13 tahun, video pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Puchong itu menjaringkan gol menerusi sepakan percuma tular di media sosial dan menjadi bualan orang ramai apatah lagi dia bermain bersama pasukan lelaki ketika itu.



Qaseh Rania Khairul Najib berlepas ke Jerman pada 6 Ogos 2024 bagi menjalani sesi percubaan bersama kelab VfL Wolfsburg. Foto Harun Tajudin/MEDIA SELANGOR

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 09 OGOS 2024

Signing up support for TSSC 2024



Abd Karim (centre) signing the TSSC jersey with Shahman (right) and MPS deputy president Adi Faizal Ahmad Tarmizi looking on during the visit to Selayang Municipal Council. — CHAN TAK KONG/The Star

THE Sultan of Selangor's Cup (TSSC) promotional tour series held two more stops – at Selayang Municipal Council (MPS) and Subang Jaya City Council (MBSJ).

TSSC 2024 chairman Tan Sri Abd Karim Munisar handed over match tickets and tournament T-shirts to MPS president Shahman Jalaludin and Subang Jaya mayor Datuk Amirul Azizan Abd Rahim.

Several veteran Selangor players were also invited to enliven proceedings.

Shahman said, "Malaysians are passionate about football because of these legendary names.

"I would like to thank these veteran players for their services and sacrifices."

Abd Karim highlighted the significance of Merdeka Stadium as venue for the 20th edition of TSSC on Aug 17.

"Merdeka Stadium has seen many legends such as Mokhtar Dahari, Santokh Singh, Soh Chin Aun and R. Arumugam.

"There, they helped the national team qualify for the 1980 Moscow Olympics," he said.

(However, Malaysia alongside several other nations withdrew from the Games due to the 1979 Soviet invasion of Afghanistan.)

Abd Karim said the match would help bring back the nostalgia of previous Selangor-Singapore matchups.

"Aug 17 will surely be an unforgettable night," he said, adding that there would also be entertainment featuring popular stars such as Jamal Abdillah. — By HAZEL TAN YAN LING

THE STAR ONLINE
TARIKH: 09 OGOS 2024



Abd Karim (centre) signing the TSSC jersey with Shahman (right) and MPS deputy president Adi Faizal Ahmad Tarmizi looking on during the visit to Selayang Municipal Council. — CHAN TAK KONG/The Star SM
23

Signing up support for TSSC 2024

THE Sultan of Selangor's Cup (TSSC) promotional tour series held two more stops – at Selayang Municipal Council (MPS) and Subang Jaya City Council (MBSJ).

TSSC 2024 chairman Tan Sri Abd Karim Munisar handed over match tickets and tournament T-shirts to MPS president Shahman Jalaludin and Subang Jaya mayor Datuk Amirul Azizan Abd Rahim.

Several veteran Selangor players were also invited to enliven proceedings.

Shahman said, "Malaysians are passionate about football because of these legendary names."

"I would like to thank these veteran players for their services and sacrifices."

Abd Karim highlighted the significance of Merdeka Stadium as venue for the

20th edition of TSSC on Aug 17.

"Merdeka Stadium has seen many legends such as Mokhtar Dahari, Santokh Singh, Soh Chin Aun and R. Arumugam."

"There, they helped the national team qualify for the 1980 Moscow Olympics," he said.

(However, Malaysia alongside several other nations withdrew from the Games due to the 1979 Soviet invasion of Afghanistan.)

Abd Karim said the match would help bring back the nostalgia of previous Selangor-Singapore matchups.

"Aug 17 will surely be an unforgettable night," he said, adding that there would also be entertainment featuring popular stars such as Jamal Abdillah. — By HAZEL TAN YAN LING

THE STAR

Tarikh:.....0.7.AUG.2024

Intensify efforts to make Kuala Lumpur walkable city

IT WOULD not be wrong to say that Kuala Lumpur is a car-friendly instead of a pedestrian-friendly city.

People, especially those who take public transport, often need to walk a short distance to their destination.

However, finding a footpath to take you there is easier said than done.

Most of the time, we need to walk on the grass next to a road or on the road itself.

Pedestrians often have to compete with motorised vehicles – the situation is an accident waiting to happen.

Pavements are only in a good condition in certain areas, for instance tourist spots like KLCC or Pasar Seni (Central Market).

Kuala Lumpur City Hall (DBKL) must do

its best to improve footpaths in other areas too.

This is crucial in making our capital a walkable city.

DBKL should also ensure there are bicycle lanes to separate cyclists and pedestrians.

This will ensure safer and smoother journeys for both parties.

I hope Kuala Lumpur footpaths can be improved in the short term to ease the journey of those who walk to their destinations on a daily basis.

The ultimate aim should be to make Kuala Lumpur a truly walkable city.

SHALINY SHAMSUL
Petaling Jaya



More areas in Kuala Lumpur need to be made pedestrian friendly, especially for public transport users. — Filepic

THE STAR

Tarikh: 07 AUG 2024

'Jinjang Utara project beneficial'

By LEW GUAN XI
lewguanxi@thestar.com.my

IMPLEMENTATION of the fifth phase of Kuala Lumpur Development Blueprint (Kepong), involving Jinjang Utara, is expected to be completed in October.

Kepong MP Lim Lip Eng's assistant, Dic Lai said the project costing approximately RM2mil would involve some 20 shops and four alleys in the residential area located along Jalan Jinjang Utama.

"The project at Jalan Jinjang Utama is aimed at reviving the commercial area by widening the road and removing illegal extensions blocking the way.

"Kuala Lumpur City Hall (DBKL) served notices to traders who had not removed their (illegal) extensions in February and March," Lai said during a site visit.

"In April, we briefed traders on the project and gradually, they removed the illegal extensions.

"Since these illegal extensions have been cleared, the road can be widened and more parking bays can be added.

"Vehicles can now pass through the alleys which were previously blocked," he said, adding that work started in June.

Lai also said that DBKL had started cutting down some of the trees on Jalan Jinjang Utama to

MP's aide says RM2mil development involves road widening that will improve area



Lai (right) and Koid at the site visit to an alley, which was previously blocked by illegal extensions. — ART CHEN/The Star

make way for road expansion.

"The roots of these trees had damaged the drains and posed a danger to traders and the public," he said.

Lai said DBKL was also discussing with Air Selangor and the Fire and Rescue Department

to resolve issues related to pipes that were built on the road and could cause obstructions during construction.

He urged traders to cooperate with authorities throughout the project period.

Works in the residential area

(Jalan Jinjang Indah 2, 3, 8 and 9) mainly involved upgrading infrastructure such as drains, Lai added.

Fok Chek Yong, 57, who has lived in Jinjang Utara all his life, said the development blueprint would benefit residents.

"The project is aimed at reviving the commercial area by widening the road and removing illegal extensions blocking the way."

Dic Lai

"Although some sacrifices need to be made, I understand that these are all for the collective benefit of residents.

"I hope that the project can be finished as soon as possible," he said.

The development blueprint has seen four phases of upgrades being carried out — in Metro Perdana (2020), Kepong Baru Tambahan (2021), Kepong Baru (2022) and Jinjang Selatan (2023).

Also present during the site visit were Federal Territories Residents' Representative Council (Sub-Zone 2) president Koid Teng Cheong and DBKL officers.

THE STAR

07 AUG 2024

Tarikh:.....

Licensed traders to be given lots at Shah Alam Sports Complex 20/8

LICENSED *pasar tani* and *pasar karat* traders who were operating at Shah Alam Stadium in Section 13 are to be allocated lots as per redevelopment plans for the Shah Alam Sports Complex (KSSA) project.

Selangor Mentri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said trading lots were included in KSSA plans.

"There will be lots for *pasar tani* and *pasar karat* traders."

"The state will ensure all of them are licensed traders," he said in response to complaints and concerns from traders alleging that only a portion of them would be given trading lots once KSSA was completed.

He said the state was looking at flexibility of trading hours instead of restricting businesses to operating only on Sundays.

"We can allow them to trade on Saturdays and Sundays," said Amirudin.

"At KSSA, traders will have better trading lots to sell their wares once the changes have been implemented," he said after launching the state-level Jalur Gemilang Campaign at Auditorium Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah in Shah Alam.

The campaign saw over 1,500 Selangor government employees waving the Jalur Gemilang in the run-up to

National Day celebrations.

Amirudin also handed over national flags to Selangor local council heads including Shah Alam mayor Datuk Mohd Fauzi Mohd Yatim, Subang Jaya mayor Datuk Amirul Azizan Abd Rahim and Petaling Jaya mayor Mohamad Zahri Samingon as well as district officers.

Also present were state executive councillors Papparaidu Veraman, Anfaal Saari, Dr Mohammad Fahmi Ngah, Datuk Rizam Ismail, Jamaliah Jamaluddin and Najwan Halimi, Selangor Speaker Lau Weng San and state financial officer Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin.

— By MEGAT SYAHAR



Amirudin (front row, fifth left) with other exco members waving Jalur Gemilang during the state-level launch. — IZZRAFIQ ALIAS/The Star

THE STAR

07 AUG 2024

Tarikh:.....

'Work harder after pay rise'

PM: Service quality should go up in tandem with salary hike

By GERARD GIMINO
gerard.gimino@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Civil servants must provide better services for the people in line with their salary hike through the updated Public Service Remuneration System (SSPA), says Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

According to the Prime Minister, preliminary measures on the SSPA would be announced in the coming weeks, while the full announcement would be made during Budget 2025 in October and implemented from Dec 1.

Anwar reiterated that it would be the biggest wage increase for civil servants since the country achieved independence.

"There are two reasons for this – the country is developing but for 12 years, there has been no comprehensive study on increasing civil servants' wages."

"Secondly, we recognise the role of civil servants. Governments and prime ministers have changed, but civil servants have professionally carried out their duties," he said when launching the Malaysia Civil Servants Housing Programme (PPAM) in Bandar Sri Permaisuri here yesterday.

On the strengthening ringgit, Anwar attributed it to the stable government, clear policies, dedicated civil servants as well as the private sector.

"However, what is the point of the stronger ringgit and incoming investments if it is not felt by the people? Hence, I have always stressed that projects that impact the people directly should be emphasised," he said.

Anwar said there are enough skyscrapers, so the government is no longer prioritising such projects.

"I don't want to feel proud of Malaysia or Kuala Lumpur for



Housing opportunity: Anwar looking at a PPAM model after launching the programme in Bandar Sri Permaisuri. Also present are Bandar Tun Razak MP Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (right) and Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories) Dr Zaliha Mustafa (second from right). – Bernama

having globally renowned high-rise buildings. Instead, I want the focus to be on the people," he said.

Separately, the Prime Minister acknowledged that the high cost of living continues to be a challenge for the people.

"We do not deny that. In our Budget strategy and economic planning, we won't put that aside," he said.

However, Anwar said facts such as the prices of sugar and cooking oil being far cheaper than Singapore, Thailand and Indonesia should not be ignored.

The Prime Minister also stressed that the government is cutting down on expenses by

holding events modestly.

"Ministers' salaries are cut even though the civil servants' wages are going up. Even the Prime Minister is not taking a salary."

"We want to prove that not everyone with a position just wants to swindle money."

"Salaries are one's right, but we are firmly against corruption and leakages as these can cause rising costs," he said.

On the PPAM, Anwar expressed gratitude to Housing and Local Government Minister Nga Kor Ming for not only focusing on regular housing but also affordable housing for the lower and middle income groups.

"Government machinery must

also work hard to resolve the very complex issue of housing," Anwar added.

The Prime Minister also said each new housing development must have several affordable housing blocks.

"If the leadership and civil servants are strict, we can resolve many things. Don't look at bad governance, corruption and leakages lightly as this will cause the people to suffer," he said.

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com



THE STAR

Tarikh: 07 AUG 2024

Penyelarasan gaji: PM mahu penjawat awam beri perkhidmatan terbaik

7/8 8 Mac

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu semua penjawat awam memberikan perkhidmatan yang jauh lebih baik kepada rakyat selari dengan pelarasan gaji akan diumumkan kerajaan.

Beliau berkata, ada dua sebab mengapa pelarasan itu melibatkan kenaikan gaji paling tinggi dalam sejarah negara sejak merdeka.

"Pertama (kerana) negara (terus) membangun tetapi selama 12 tahun tak ada kajian menyeluruh kenaikan gaji dan kedua mengiktiraf peranan mereka (penjawat awam).

"Walaupun ada suara bangkang yang tak pernah kenal erti syukur dan tak pernah nak terima kenyataan tetapi percayalah apabila saya umumkan nanti, sebahagiannya bulan Ogos dan lengkapnya seperti yang saya janjikan pada bulan Oktober (iaitu pada) Belanjawan Negara, (pelarasan) dilaksanakan mulai 1 Disember," katanya semasa Majlis Peluncuran Perumahan Penjawat Awam Malaysia Madani di sini pada Selasa.

Mekanisme pelarasan gaji penjawat awam akan diumumkan Anwar semasa Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) ke-19 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 16 Ogos ini.

Perdana Menteri berkata, penjawat awam juga perlu bersama-sama dengan kerajaan dalam membangunkan negara.

"Dalam negara Madani ini kita kena pastikan ekonomi mampan dan alhamdulillah seperti yang dilaporkan, kekuatan ringgit yang menjadi masalah kepada kita itu kembali dengan meyakinkan. Prestasi (pergerakan) ringgit hari ini terbaik ketimbang 14 tahun lepas.

"Asasnya apa? Negara tentunya kerana politik yang stabil, dasarnya jelas, penjawat awam berdedikasi, pegawai sektor swasta. Ini semua mempunyai peranan untuk menjayakannya," katanya.

SINAR HARIAN

07 AUG 2024
Tarikh:

Penjawat awam gemuk

7/8 Sinar

SELAMA ini kita selalu kaitkan penjawat awam dengan kenaikan gaji, bonus, pensen, perumahan terjamin dan macam-macam lagi. Ada kalanya rakyat juga kompelin pasal perkhidmatan mereka. Ada yang tak puas hati. Tapi rata-rata mereka jalankan tugas dengan baik.

Jadi apabila mantan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali umumkan bahawa lebih 50 peratus penjawat awam, khususnya di Putrajaya ada masalah berat badan berlebihan atau obes, riu rendah juga jadinya. Sebetulnya tak ada sebab kenapa sesiapa yang tinggal di Putrajaya. Pada pendapat Awang dalam kawasan yang seluas Putrajaya tidak ada tempat lain yang ada begitu banyak taman rekreasi awam.

Awang
Paku
Serpiah



Muncul
setiap
Rabu
dan
Sabtu

Bila Awang Google, terjumpalah nama-nama Taman Botani Putrajaya, Taman Putra, Taman Rimba Alam, Taman Warisan Perdana, Taman Warisan Pertanian, Taman Wetland dan macam-macam lagi.

Putrajaya dirancang dengan tempat pejalan kaki dan untuk jogging yang selesa. Lagipun Putrajaya tak sesak, masalah lalu lintas tak macam KL. Sebetulnya tak perlu pun buat *no car day* macam Kuala Lumpur.

Banyak orang luar yang datang ke Putrajaya untuk beriadah tapi orang Putrajaya sendiri macam mana?

SINAR HARIAN

Tarikh:0.7...AUG...2024.....

KPN rangka 5 inisiatif berjumlah RM290j

7/8 8/22

PUTRAJAYA - Kementerian Perpaduan Negara (KPN) merangka lima keutamaan menerusi Inisiatif Bajet berjumlah RM290 juta untuk pertimbangan Kementerian Kewangan (MoF) dalam Belanjawan 2025.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, lima keutamaan itu ialah Program Perpaduan, Integrasi Nasional dan Keharmonian, Kesejahteraan Komuniti, Pendigitalan dan Teknologi, Pemeliharaan dan Pemuliharaan Warisan serta Penambahbaikan Infrastruktur Perpaduan.

"Di bawah inisiatif Program Perpaduan, Integrasi Nasional dan Keharmonian, ia akan melibatkan pelaksanaan agenda perpaduan nasional, integrasi serta keharmonian.

"Di bawah inisiatif Kesejahteraan Komuniti, peranan Kawasan Rukun Tetangga, Skim Rondaan Sukarela, Mediator Komuniti,

Tabika dan Taska Perpaduan akan diperkasakan sebagai penggerak utama dan penghubung jalin dalam komuniti," katanya semasa berucap merasmikan sesi libat urus Belanjawan 2025 selaras

tema 'Ekonomi Madani, Negara Makmur, Rakyat Sejahtera' di sini pada Selasa.

Aaron berkata, di bawah inisiatif Pendigitalan dan Teknologi, ia akan menumpukan ke arah usaha pendigitalan bahan-bahan khazanah warisan negara manakala inisiatif Pemeliharaan dan Pemuliharaan Warisan pula bertujuan melestarikan perpaduan melalui pemeliharaan serta pemuliharaan warisan negara.

Di bawah inisiatif Penambahbaikan Infrastruktur Perpaduan pula, beliau berkata, premis-premis perpaduan melibatkan perkhidmatan kepada orang awam terutamanya berkaitan skop pembaikan dan penyelenggaraan bangunan agensi-agensi di bawah KPN, akan diberikan tumpuan.

"MoF harus pertimbang permohonan peruntukan KPN kerana Rancangan Malaysia ke-12 menyasarkan Indeks Perpaduan Nasional sebanyak 0.7 peratus menjelang 2025. Pelaksanaan pelbagai program penting bagi mewujudkan tapak integrasi yang mampu meningkatkan interaksi antara rakyat pelbagai bangsa dan agama," katanya. - Bernama

JAWAN
25

SINAR HARIAN

Tarikh: ...0..7...AUG...2024....

Projek perumahan baharu perlu ada blok Madani

PM arah DBKL sediakan blok tersebut bagi memastikan golongan berpendapatan rendah dapat memiliki rumah

KUALA LUMPUR

Jabatan Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) diarah menyediakan blok perumahan Madani untuk setiap projek baharu bagi memastikan golongan berpendapatan rendah dapat memiliki rumah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu adalah syarat penting yang ditetapkan bagi memastikan projek perumahan baharu dapat diluluskan, sekali gus memanfaatkan rakyat.

"Syaratnya mesti ada satu atau dua blok rumah Madani untuk rakyat memanfaatkan kerana perumahan Madani untuk menyantuni kepentingan bukan sahaja penjawat awam tetapi kelompok B40 dan M40 yang lebih susah.

"Orang kaya buatlah rumah banyak mana pun, berapa puluh juta pun buatlah, saya tak peduli tetapi rakyat yang lain harus dibantu, sebab itu mengapa jentera kerajaan harus dikerahkan supaya menyelesaikan masalah perumahan yang sangat rumit.

"Saya lihat senarai 60,000 orang



Anwar ketika hadir pada Majlis Peluncuran Perumahan Penjawat Awam Malaysia Madani di Bandar Sri Permaisuri, Kuala Lumpur pada Selasa.

menunggu untuk dapat rumah bandar raya," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian semasa Majlis Peluncuran Perumahan Penjawat Awam Malaysia Madani di Bandar Sri Permaisuri di sini pada Selasa.

Menurut Anwar, syarat tersebut merupakan satu ketegasan kerajaan hari ini kerana mengambil kira projek perumahan terdahulu yang tidak menekankan kepentingan rumah mampu milik untuk rakyat.

"Sebab itu saya kata kalau tegas pimpinannya, tegas penjawat awam, banyak boleh selesai kerana kalau tak tegas, dia dapat setengah juta, dia tu-

tup kes sebab itu dulu tiada penekanan seperti hari ini.

"Blok ratio, syarat hijau, taman, tapak sekolah, itu semua 'tersakau' kerana tidak memikirkan soal rakyat," katanya.

Justeru, beliau sekali lagi mengingatkan supaya semua pihak tidak memandang ringan soal tatakelola, rasuah dan ketirisan kerana perkara tersebut mempunyai kesan kepada nasib rakyat.

Anwar berkata, sekiranya amanah dapat dijaga, negara boleh dibersihkan daripada jenayah rasuah, sekali gus meningkatkan kedudukan negara di rantau ini. - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: 07 AUG 2024

LZS, MEDKAD perkenal
Al-Amal bantu asnaf
di Selangor

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
SHAH ALAM

Akses bantuan perubatan kepada asnaf secara digital

Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan MEDKAD Sdn Bhd meterai perjanjian bagi memudahkan akses kepada asnaf di Selangor mendapatkan bantuan perubatan dengan lebih cepat serta berkesan.

Dengan penggunaan Sistem Bantuan Perubatan Elektronik (*Electronic Medical Aid*) atau Al-Amal yang merupakan sistem inovatif dibangunkan MEDKAD, ia dapat menguruskan perkhidmatan kesihatan secara digitalisasi.

Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Mohd Sabirin Mohd Sarbini berkata, menerusi Pelan Strategik LZS 2023 hingga 2025 di bawah teras strategi Go Digital, LZS menekankan pembangunan dan penggunaan platform digitalisasi bagi mempertingkatkan keupayaan serta kecekapan proses penyaluran bantuan agihan zakat, khususnya bantuan perubatan.

Ujarnya, Al-Amal dibangunkan untuk LZS, diintegrasikan dengan sistem

sedia ada iaitu LZS Electronic Zakat Online (eZO).

"Dengan Al-Amal, permohonan bantuan perubatan di LZS kini boleh dilakukan secara digital, sekali gus mengurangkan kebergantungan pada borang fizikal dan pemprosesan manual.

"Sistem ini dilihat dapat mempermudah asnaf membuat permohonan dengan cepat dan selamat, mengatasi risiko manipulasi dokumen serta mempermudah proses pengurusan permohonan LZS secara keseluruhan," ujarnya pada Selasa.

Perjanjian kerjasama tersebut ditandatangani Mohd Sabirin dan Ketua Pegawai Eksekutif MEDKAD, Ezuan Yaacob dengan disaksikan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Perubatan LZS, Datuk Dr Tunku Muzafar Shah Tunku Jaafar Laksamana di sebuah hotel di Seksyen 14 di sini.

Dalam pada itu, Mohd Sabirin berkata, proses permohonan bantuan juga dapat diselesaikan dalam tempoh lapan hari berbanding 14 hari sebelum ini dan menawarkan respons lebih pantas serta



Mohd Sabirin (dua dari kiri) dan Ezuan (dua dari kanan) bertukar dokumen kerjasama disaksikan Dr Tunku Muzafar Shah (tengah).

efisien kepada asnaf yang memerlukan bantuan perubatan.

"Pada masa ini proses permohonan bantuan di LZS melibatkan 553 panel perubatan yang dilantik di seluruh Selangor, dengan hampir 3,500 tuntutan diproses secara manual setiap bulan.

"Pada 2023, LZS telah mengagihkan lebih RM51 juta bantuan perubatan kepada

11,000 asnaf dengan jumlah transaksi melebihi 16,000 setahun," ujarnya.

Ujar beliau, penggunaan penuh Sistem Bantuan Perubatan Al-Amal untuk pengurusan permohonan bantuan perubatan asnaf di LZS dijangka dilaksanakan pada awal 2025 selepas pelaksanaan tempoh perintis di daerah Petaling bermula November 2024.

SINAR HARIAN

07 AUG 2024

Tarikh:



Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari ketika berucap di SABS 2024.



SPARK 2024 menampilkan 285 pempamer dari enam negara termasuk Malaysia berbanding 258 pempamer dari empat negara pada 2023.

SIBS 2024 sesi pertama capai matlamat

SHAH ALAM - Invest Selangor pada Isnin mengumumkan kejayaan apabila penganjuran Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) 2024 bagi sesi pertama berakhir dengan jayanya.

SIBS sesi pertama berlangsung selama tiga hari berakhir Sabtu lalu melalui Persidangan Perniagaan ASEAN Selangor (SABC) dan Ekspo Taman Perindustrian Selangor (SPARK).

Invest Selangor dalam satu kenyataan berkata, siri pertama itu diadakan di kawasan seluas 9,710 meter persegi dengan kehadiran seramai 8,550 pengunjung dari 22 negara.

"Ia termasuk dari Malaysia, Filipina, Vietnam, Thailand, Indonesia, Timor-Leste, Australia, Bangladesh, Brunei, Kanada, China, Perancis, Jerman, Hong Kong, India, Jepun, Laos, Mauritius, Singapura, Korea Selatan, United Kingdom dan Zimbabwe," kata kenyataan itu.

Dalam pada itu, SPARK 2024 pula menampilkan beberapa siri forum termasuk 18 sesi *pitching*, empat ceramah dan dua sesi panel.

"Peristiwa ini memberikan pandangan berharga tentang arah aliran pasaran semasa, strategi perniagaan dan produk serta per-

khidmatan yang inovatif," ujarnya.

Menurutnya, sebanyak 23 surat perjanjian (LOA), surat niat (LOI), memorandum perjanjian (MOA) dan memorandum persefahaman (MOU) telah bertukar tangan semasa sidang kemuncak.

"Ia menonjolkan semangat kerjasama dan kepentingan bersama entiti yang mengambil bahagian.

"Tahun ini ekspo SPARK menampilkan 285 pempamer dari enam negara termasuk Malaysia berbanding 258 pempamer dari empat negara pada 2023.

"Jumlah nilai transaksi berpotensi daripada rundingan dan pertukaran dokumen pula mencecah RM12.2 bilion tahun ini melepasi sasaran RM7 bilion yang ditetapkan untuk keseluruhan SIBS 2024," jelas kenyataan itu lagi.

Pada tahun lalu, SPARK 2023 merekodkan jumlah nilai transaksi rundingan sebanyak RM4.6 bilion dan menyumbang kepada keseluruhan nilai SIBS 2023 direkodkan berjumlah RM6.12 bilion.

Siri Invest MIDA Selangor: Membuka Potensi Perniagaannya turut memainkan peranan penting dalam SPARK 2024 dengan memfokuskan pada peluang pelaburan dan memupuk pertumbuhan eko-

nomi di Selangor.

"SABC 2024 pula menampilkan 27 penceramah dan panelis dari negara anggota ASEAN serta Timor-Leste, menarik lebih 500 hadirin termasuk lebih 200 delegasi antarabangsa tahun ini.

"Sebagai perbandingan, SABC 2023 mempunyai 23 penceramah dan ahli panel serta menarik seramai 783 hadirin. Tahun lalu, seramai 100 antarabangsa perwakilan hadir," menurut kenyataan itu.

Tambahnya, Pameran Mini Industri Kreatif ASEAN dengan peserta dari lima negara turut menarik ramai pengunjung dan menyerlahkan budaya rancak ASEAN.

"SIBS 2024 akan diteruskan dengan sesi keduanya yang menampilkan Ekspo Antarabangsa Selangor (F&B) 2024, Selangor Life Sciences Convention (SLC) 2024 dan Selangor Smart City and Digital Economy Convention (SDEC) 2024 yang dijadualkan berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dari 16 hingga 19 Oktober depan," tambah kenyataan itu.

Untuk maklumat lanjut tentang SIBS 2024, lawati www.selangorsummit.com.

SINAR HARIAN
07 AUG 2024

Tarikh:

Kuala Lumpur: Ramai dalam kalangan penjawat awam khususnya berpendapatan rendah dan sederhana bergelut dengan kenaikan harga rumah.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata maklumat daripada Laporan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NA-PIC) melaporkan purata kadar kenaikan harga rumah antara 2019 hingga 2023 khususnya di bandar utama di seluruh negara agak tinggi iaitu sekitar 15 hingga 28 peratus.

"Sehubungan itu, dari aspek kemampuan kewangan, saya akui ramai kalangan penjawat awam, khususnya berpendapatan rendah dan sederhana sedang bergelut dengan kenaikan harga rumah.

"Cabaran seperti ini menekan mereka untuk membeli rumah pada harga mampu milik yang sepadan dengan pendapatan

PPAM tunai impian penjawat awam miliki rumah



ANWAR menyampaikan replika kunci rumah kepada penerima pada Majlis Penyerahan Kunci PPAM di Pixel City Sentral, Permaisuri. - Gambar NSTP/SAIFULLIZAN TAMADI

bulanan masing-masing.

"Maka, penyediaan rumah mampu milik termasuk PPAM amat bermakna

kepada kumpulan rakyat khasnya penjawat awam berpendapatan rendah dan sederhana," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis peluncuran Perumahan Penjawat Awam Malaysia

(PPAM), Pksel City Central di sini, semalam.

Program dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim. Hadir sama Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Nga Kor Ming dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa dan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak yang juga isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Mohd Zuki berkata, sehingga 31 Julai lalu, 211 projek dengan 33,133 unit rumah PPAM sudah siap dibina manakala terdapat 38 projek dengan 9,029 unit dalam pembinaan.

Beliau yang bakal menamatkan kontrak sebagai Ketua Setiausaha Negara pada Sabtu ini berkata, sebanyak 33 projek dengan 12,124 unit pula dalam pe-

ringkat perancangan.

Katanya, permintaan membeli kediaman di sekitar ibu negara sangat tinggi dalam kalangan penjawat awam iaitu sebanyak 55,014 berbanding hanya 7,038 unit rumah PPAM yang mampu ditawarkan.

Sementara itu, beliau berkata kajian 'outcome' akan dilaksanakan Jawatankuasa Khas Tertinggi PPAM bagi menilai keberhasilan dan keberkesanan projek itu di negara ini.

Beliau berkata, pihaknya berharap kajian itu akan memberi tumpuan kepada aspek harga mampu dimiliki, lokasi strategik, kualiti perumahan yang baik dan kemampunan pelaksanaannya.

"Aspek itu bagi memastikan supaya ia selari Agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan konsep MADANI," katanya.

HARIAN METRO
Tarikh: 07 AUG 2024

Oleh Redzuan
Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my

POPULASI DI IBU KOTA MENINGKAT 2.25%

Kuala Lumpur

Bandaraya Kuala Lumpur kini menampunkan populasi dianggarkan melebihi 8.8 juta orang dengan peningkatan tahunan sebanyak 2.25 peratus berbanding tahun lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa, jumlah populasi dijangka terus bertambah mencecah 9.8 juta orang menjelang 2030.

Menurut Dr Zaliha, pertumbuhan yang pesat menuntut kerajaan khususnya melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjadi lebih proaktif dalam perancangan dan penyediaan infrastruktur.

"Pertumbuhan populasi

KL ada lebih 8.8j penghuni

bukan saja membabitkan peningkatan semula jadi dalam kawasan bandar malah juga migrasi masuk yang tinggi dari luar bandar.

"Ia memberikan satu tekanan kepada infrastruktur sedia ada dan menuntut supaya kita menyediakan satu perkhidmatan asas yang lebih baik buat semua warga kota agar Kuala Lumpur menjadi sebuah bandar yang berdaya huni.

"Tidak dilupakan, isu seperti pencemaran udara dan kekurangan ruang hi-

jau antara kebimbangan utama yang perlu diatasi," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Panduan Perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2024 di Menara DBKL 1 di sini, semalam.

Dr Zaliha berkata, dalam menghadapi semua cabaran itu, DBKL sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu terus peka dengan keperluan dan kehendak ketika pembangunan di sini.

Beliau berkata, pengurusan bandar yang cekap amat diperlukan untuk memastikan kehidupan ber-

kualiti untuk semua.

"Setiap keputusan pembangunan perlu dibuat dengan pertimbangan yang wajar untuk memastikan keseimbangan di antara pembangunan dan kesejahteraan warga kota.

"Dalam usaha ini, saya difahamkan, DBKL sudah melaksanakan pelbagai inisiatif lebih proaktif seperti penyediaan Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 dan Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050.

"Langkah itu menunjukkan komitmen DBKL ter-



Isu seperti pencemaran udara dan kekurangan ruang hijau antara kebimbangan utama yang perlu diatasi"

Dr Zaliha

hadap masa depan bandaraya ini yang lebih hijau dan mampan," katanya.

Menurut Dr Zaliha, be-

liau turut difahamkan bahawa DBKL menghasilkan satu Panduan Teknikal Bangunan Rendah Karbon Kuala Lumpur hasil kerjasama dengan rakan strategik antarabangsa iaitu C40 Cities Climate Leadership Group.

"Ia juga secara tidak langsung menunjukkan usaha kita untuk mencapai pembangunan yang lebih lestari.

"Saya harap dengan adanya garis panduan, DBKL dapat dipandu lebih telus dan teliti serta dapat memastikan kehidupan yang lebih baik untuk generasi kini dan akan datang.

"Saya menyeru semua pihak termasuk pihak agensi kerajaan, pemaju, pemegang taruh dan orang awam, untuk memberikan kerjasama yang erat dan komitmen yang baik dalam memastikan garis panduan itu dimanfaatkan sepenuhnya," katanya.

HARIAN METRO
Tarikh: 07 AUG 2024

Oleh Mohd Iskandar
Ibrahim
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Kekuatan ekonomi domestik serta dasar kurang popular seperti penyasaran subsidi yang dilaksanakan kerajaan meningkatkan keyakinan pelabur, sekali gus menyumbang kepada pengukuhan ringgit berbanding 14 tahun lalu.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, keadaan itu turut membantu hasil usaha dan peranan yang dimainkan pelbagai pihak khususnya Kementerian Kewangan serta agensi di bawahnya.

Katanya, situasi ekonomi dan ringgit ketika ini dalam kedudukan sangat meyakinkan walaupun keadaan geopolitik dunia agak membimbangkan.

"Kalau kita lihat angka, tetapi kenyataannya tidak boleh dimungkiri iaitu kekuatan ringgit ketimbang 14 tahun (lalu) sangat membanggakan.

"Tentu ada sebab (dan) faktornya, kenapa ada keyakinan? Kerana kekuatan ekonomi domestik, langkah diambil, jadi ini kalau tonggakanya, tentu keluar-ga Kementerian Kewangan," katanya ketika menyampaikan amanat pada Majlis Perhimpunan Bulanan bersama Warga Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Anwar berkata, kesediaan kerajaan melaksanakan *reform* ekonomi, menghentikan ketirisan dan memerangi rasuah turut memberi keyakinan kepada pelabur.

Katanya, begitu juga dalam melaksanakan penyasaran subsidi bertujuan menghentikan kebocoran serta penyeludupan.

"Penyasaran subsidi

“
Kesediaan kerajaan melaksanakan 'reform' ekonomi, menghentikan ketirisan dan memerangi rasuah turut memberi keyakinan kepada pelabur
Anwar



KEKUATAN EKONOMI DOMESTIK

Kunci ringgit terus kukuh

Hm
7/8

yang menyebabkan saya terutamanya, dimaki berbakul-bakul, tetapi penyasaran subsidi seperti yang kita tahu, semua Perdana Menteri sebelum ini, hampir semua parti sebelum ini dalam kerajaan setuju perlu hentikan kebocoran.

"Saya tak faham kenapa orang politik pertahankan penyeludupan, kenapa izinkan ketirisan berbilion ringgit, tetapi untuk menolak prinsip penyasaran subsidi, itu tentunya kurang bijak, kurang waras," katanya.

Perdana Menteri berkata, apabila tidak lagi ada ketirisan, wujudnya Akta Tanggungjawab Fiskal serta pelaksanaan penyasaran

subsidi menyebabkan pelabur tahu bahawa itu adalah kerajaan yang bertanggungjawab dan bersedia mengambil tindakan tidak popular untuk menyelamatkan ekonomi negara.

"Siapa tidak mahu popular, siapa tidak mahu senang, jadi belanja sahaja, nak duit bagi, kita masih boleh hutang, kita bukan dalam keadaan parah sangat, boleh hutang RM3 bilion, RM4 bilion, apa salahnya, tetapi apakah itu dasar ekonomi yang bertanggungjawab?" soalnya.

Justeru, beliau berkata, keluarga Kementerian Kewangan seharusnya lebih faham berbanding orang lain yang tidak terdedah

dengan fakta berkenaan.

"Sebab itu saya katakan media kementerian pun perlu lebih agresif dan proaktif untuk menjelaskan, kita tidak boleh menyalahkan orang kerana tidak mengerti kerana kita tidak memainkan peranan untuk mendidik, memberi mereka pencerahan mengenai ekonomi.

"Kita tahu penyasaran subsidi itu dipermainkan, saudara tahu itu kerana dibicarakan oleh tokoh politik, kedudukannya besar, pernah jadi menteri atau menteri besar tetapi apabila dia berucap, tidak pernah memikirkan fakta, dia gunakan bakar sentimen dan perasaan," katanya.

HARIAN METRO

Tarikh: ... 07 AUG 2024

Keadah kasar kenaikan gaji penjawat awam diumumkan bulan ini



ANWAR menyerahkan replika kunci kepada salah seorang penerima pada majlis pelancaran PPAM Madani di Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR — Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengumumkan beberapa kaedah kasar berkaitan kenaikan gaji penjawat awam bulan ini.

Beliau berkata, kaedah pelarasan gaji menerusi Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) itu secara lengkapnya akan diumumkan Oktober depan menerusi Belanjawan 2025.

"Dalam masa beberapa minggu ini saya akan umumkan beberapa kaedah kasar dan akan menjadi sejarah dalam Malaysia walaupun ada suara-suara pembangkang yang tidak pernah bersyukur," katanya di majlis pelancaran Perumahan Penjawat Awam Malaysia Madani (PPAM

Madani), di sini semalam.

Sehubungan itu, beliau mahu semua penjawat awam melaksanakan tugas jauh lebih baik setimpal dengan apa yang bakal diperoleh.

"Tiga faktor utama diambil kira sebelum penyalaraan diputuskan, antaranya negara membangun tetapi selama 12 tahun tidak ada kajian kenaikan gaji walaupun kerajaan silih berganti.

"Kedua, kerana mengiktiraf peranan mereka, manakala ketiga dan paling penting, kita mahu mereka berkhidmat jauh lebih baik kepada rakyat setimpal dengan gaji mereka," ujarnya.

Semalam *Kosmo!* melaporkan, penjawat awam boleh menyemak kadar baharu gaji bermula

minggu depan susulan pelarasan gaji menerusi SSPA yang diumumkan kerajaan.

Dalam pada itu, Anwar menegaskan, kerajaan boleh mempercepatkan sebarang proses kelulusan pembangunan perumahan dengan syarat ia turut dibangunkan dengan satu atau dua blok rumah Madani.

Menurutnya, beliau telah mengeluarkan arahan berkenaan kepada Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam usaha membantu golongan berpendapatan rendah.

"Jentera kerajaan harus dikhedahkan kerana penyelesaian terhadap masalah perumahan rakyat amat penting," katanya.

KOSMO

Tarikh: ... 0 7 AUG 2024

PM mahu fokus isu kartel, monopoli barangan keperluan melalui Belanjawan 2025

Tangani kos sara hidup rakyat

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA – Kerajaan akan memberikan tumpuan khusus dalam usaha menangani kos sara hidup rakyat menerusi Belanjawan 2025 yang akan dibentangkan pada 18 Oktober ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu adalah isu yang menjadi ke-bimbangan rakyat walaupun pelbagai usaha dilaksanakan kerajaan demi memperbetulkan semula ekonomi negara ke landasan betul.

Beliau berkata, dalam hal itu, kerajaan akan mencari punca-punca kepada peningkatan harga barang di samping menangani masalah kartel dan monopoli pihak-pihak tertentu yang menguasai pasaran barangan keperluan asas termasuk menentukan kos-kos input pertanian.

"Satu hal sangat memprihatinkan adalah soal kebimbangan rakyat kerana masih berdepan



ANWAR (dua dari kiri) hadir pada perhimpunan bulanan warga Kementerian Kewangan di Putrajaya semalam.
— FAISOL MUSTAFA

dengan harga, kos sara hidup meningkat, saya tidak nafikan.

"Walaupun saya boleh sebut gula, minyak, tepung, minyak ma-

sak kita paling murah, tetapi bagi rakyat Malaysia masih berasa beban, dia (rakyat) tidak banding Thailand, Singapura, Indonesia.

"Jadi, sebab itu dalam Belanjawan ini kita juga harus tangani masalah kartel, monopoli, apa punca harga barang (naik),

kadang-kadang dari segi baja, benih, semua ini harus kita tangani," katanya pada majlis perhimpunan bulanan warga Kementerian Kewangan di sini semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan memaklumkan, Kementerian Kewangan selaku perancang utama Belanjawan Negara harus memikirkan isu-isu yang merentasi Kementerian lain agar intipati digariskan bersifat menyeluruh dan menyentuh semua aspek permasalahan rakyat.

Katanya, tindakan itu tentunya lebih mudah berdasarkan pengalaman warga Kementerian sendiri sama ada dalam aspek penguatkuasaan atau perancang dasar, yang mana akan lebih faham khususnya menerusi kaedah dan jalan terbaik mengurangkan kos.

"Kos ini meningkat antara lainnya masalah tiris, rasuah, seludup dan keuntungan berlebihan melalui kartel," ujarnya.

KOSMO

Tarikh: 07 AUG 2024

Kerajaan rugi besar jika terus harapkan warga asing

Utamakan pekerja mahir tempatan

Oleh NUR ALWANI
ZAFIRAH KHAIRUL

KUALA LUMPUR – Syarikat pembinaan diingatkan untuk tidak 'pilih bulu' dengan memberi keutamaan menggaji tenaga mahir tempatan berbanding pekerja asing dalam sektor itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerajaan akan menanggung kerugian besar dalam jangka masa panjang sekiranya sektor pembinaan terus bergantung kepada pekerja asing demi kelancaran operasi syarikat.

"Ya, kos mungkin kurang kalau pekerja asing diambil secara jangka pendek. Tetapi dari segi jangka panjang, kos yang ditanggung oleh negara dan kos daripada GDP (Keluaran Dalam Negara Kasar) yang akan dibuat, ia me-

rugikan negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Pelancaran Slogan CIDB (Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan) Peneraju TVET Pembinaan bersempena Majlis Graduasi Akademi Binaan Malaysia (ABM) & CIDB Technologies 2024 di sini semalam.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Majlis TVET Negara berkata, beliau yakin dengan penawaran gaji minimum tidak kurang daripada RM3,000, ramai generasi muda lebih memilih Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).


"Generasi muda guna tenaga kerja kita akan memilih TVET sebagai pilihan pertama. Kita lihat di negara maju, Jepun contohnya, TVET menjadi pilihan pertama pada generasi baharu. Begitu juga di Jerman. Negara kita harus

beralih ke arah itu," ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, di Malaysia berlaku mismatch yang mana terdapat kelompokan pekerjaan yang tidak diisi dengan baik.

"Perdana Menteri telah membawa FDI (pelaburan asing langsung) terlalu banyak. Namun tidak berlaku keseimbangan di antara permintaan pelabur yang menjadikan majikan dengan penawaran guna tenaga kerja dalam bidang kemahiran.

"Mismatch yang berlaku ini menyebabkan berlaku kelompokan dari segi melahirkan produktiviti dalam bidang-bidang tertentu. Tahun ini seramai 60,000 jurutera diperlukan, namun kita tidak dapat memenuhi permintaan itu (dalam kalangan pekerja mahir tempatan)," jelasnya.



AHMAD ZAHID (tengah) melancarkan Slogan CIDB Peneraju TVET Pembinaan sempena Majlis Graduasi Akademi Binaan Malaysia dan CIDB Technologies 2024 di Kuala Lumpur semalam.

KOSMO

07 AUG 2024

Tarikh:



KABIR

Sumber alam sekitar banyak potensi

7/8
KOSMO
SENI kreatif merupakan subjek yang sangat subjektif terutama dalam penggunaan bahan bagi menghasilkan sebuah karya oleh penggiatnya.

Ia bukan sekadar melukis di atas kertas, tetapi konsep seni tiga dimensi (3D) seperti arca juga merupakan antara cabang seni yang boleh memanfaatkan pelbagai bahan terutama di sekeliling manusia.

Menurut artis transdisiplin, Kabir Ali Roslan, padanya bahan seperti tanah, daun mahupun plastik merupakan antara sumber bahan seni yang mempunyai kelebihan dan boleh menghasilkan karya agung.

"Saya melihat bahan semula jadi sebagai sumber yang bukan hanya untuk menghasilkan karya seni tetapi juga boleh menyampaikan mesej yang lebih baik kepada peminat-peminat seni.

"Kita ambil contoh tanah, selama ini hanya dipijak oleh manusia tetapi apabila kita mengambilnya ia boleh menjadi bahan seni, bukan sekadar membuat objek baharu tetapi juga untuk mewarna lukisan," katanya ketika ditemui K2 di Program Tukang 2.0 di Petaling Jaya, Selangor baru-baru ini.

Tambahnya, memanfaatkan sumber alam untuk kegunaan seni memerlukan kreativiti dan ia juga merupakan sumber mapan yang boleh diulang guna serta mesra alam.

Malah, selain tanah juga, plastik dapat dijadikan contoh sebagai sumber bahan seni yang boleh digunakan, sekali gus membantu melestarikan alam sekitar.

Kongsinya lagi, bahan semula jadi mempunyai potensi sendiri untuk diterokai sebagai sumber bahan seni dan ia juga sudah banyak digunakan oleh penggiat seni di luar negara.

"Di Malaysia, kebanyakan kita masih melihat seni dari sudut tipikal seperti lukisan dan arca tetapi ia lebih daripada itu, malah jika kita gunakan habuk juga ia boleh jadi sebuah karya seni indah.

"Banyak yang kita boleh terokai dan cuba untuk memanfaatkan sumber daripada sekitar untuk kegunaan seni, pada masa sama boleh menjadi aktiviti bersama keluarga dan terapi tanpa kos yang tinggi," ujarnya.

KOSMO

tarikh: 07 AUG 2024

Pengeluaran KWSP ahli meninggal tanpa penama hanya boleh dibuat waris terdekat

Kuala Lumpur: Pengeluaran simpanan ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang meninggal dunia tanpa penama boleh dikemukakan menerusi permohonan oleh waris terdekat sahaja.

KWSP berkata, bagi yang sudah berkahwin, permohonan boleh dikemukakan oleh waris terdekat seperti pasangan atau anak atau ibu bapa atau pentadbir pusaka.

Bagi yang belum berkahwin pula, permohonan boleh dibuat oleh ibu bapa atau adik beradik atau pentadbir pusaka.

"Pihak waris perlu mengemukakan dokumen sokongan seperti surat kuasa mentadbir atau

geran probet atau perintah pembahagian pusaka atau perintah faraid sebagai lampiran permohonan.

"Hanya pihak yang dilantik atau dinamakan sahaja layak untuk membuat tuntutan pengeluaran berdasarkan perintah atau bahagian yang dinyatakan dalam dokumen terbabit," kata KWSP dalam jawapan kepada BH.

Dalam pada itu, KWSP berkata, urusan pengurusan dokumen atau borang berkaitan tidak memerlukan bantuan peguam lantikan.

"Lantikan peguam tidak diperlukan bagi urusan permohonan Pengeluaran Kematian di KWSP," katanya.



BERITA HARIAN
01 AUG 2024
Tarikh.....

Kenaikan gaji penjawat awam



Anwar bersama isteri, Dr Wan Azizah Wan Ismail melihat model rumah pada majlis pelancaran PPAM MADANI di Pixel City Sentral, Permaisuri, Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa. (Foto Saifulizan Tamadi/BH)

Kaedah 'kasar' SSPA diumumkan dahulu

Anwar maklum perincian lengkap dalam Belanjawan 2025, Oktober ini

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan kenaikan gaji melalui Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) yang dijanjikan tertinggi dalam sejarah negara sejak merdeka akan diumumkan secara kaedah 'kasar' terlebih dahulu, pada bulan ini.

Perdana Menteri sebaliknya berkata, perincian selengkapnya seperti mana yang dijanjikan kerajaan akan diumumkan melalui Belanjawan 2025, Oktober ini sebelum ia dilaksanakan 1 Disember kelak.

"Dalam tempoh beberapa minggu ini, kita akan mengumumkan kaedah kasar yang membuktikan dalam sejarah Malaysia, walaupun ada suara pembangkang yang tidak pernah reti bersyukur dan menerima kenyataan, namun percayalah apabila saya umumkan bulan ini.

"Lengkapnya (perincian) seperti mana saya janjikan pada Oktober dan dilaksanakan 1 Disember ini," katanya dalam ucapan pelancaran Perumahan Penjawat Awam Malaysia MADANI (PPAM MADANI), semalam.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, tiga perkara ditekankan dalam menyelaraskan gaji penjawat awam, iaitu disebarkan tiada kajian menyeluruh kenaikannya sejak 12 tahun lalu,

selain bagi mengiktiraf peranan penjawat awam.

Mahu khidmat lebih baik

Beliau berkata, melalui penyeselaran gaji ini, kerajaan juga mahu khidmat penjawat awam jauh lebih baik setimpal dengan kenaikan gaji mereka.

"Pertama, negara membangun tetapi selama 12 tahun tiada kajian menyeluruh kenaikan gaji, kedua kerana mengiktiraf peranan mereka selama ini.

"Kerajaan silih berganti, Perdana Menteri silih berganti, tetapi penjawat awam menjalankan tugas secara profesional melaksanakan amanah ini.

"Dengan pelarasan gaji ini, kita mahu supaya khidmat mereka kepada rakyat, jauh lebih baik setimpal dengan gaji diberi-

kan," katanya.

Kelmarin, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), Datuk Mohd Shaiful Ibrahim, dilaporkan berkata penjawat awam boleh menyemak dan mengetahui kadar baharu gaji pada minggu depan susulan pelarasan gaji menerusi SSPA yang diperkenalkan kerajaan.

Beliau dilaporkan berkata, perincian mengenai mekanisme pelarasan gaji penjawat awam itu akan diumumkan Perdana Menteri semasa Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MA-PPA) Ke-19 pada 16 Ogos ini.

"Ada kalkulator (untuk kira) berapa gaji kita. Pada 1 Disember, akan berlaku kenaikan gaji dan hujung bulan (Disember) penjawat awam akan terima kadar gaji baharu," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh.....0.7...AUG...2024...

Belanjawan 2025 tumpu kos sara hidup, kenaikan harga barangan

PM tegaskan langkah perlu diambil ringankan beban rakyat, tangani ketirisan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Belanjawan 2025 yang dijadual dibentangkan Oktober depan akan memberi tumpuan kepada usaha menangani isu kos sara hidup dan harga barangan yang meningkat, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menegaskan isu berkenaan harus diberi perhatian, Perdana Menteri berkata, usaha juga perlu diambil bagi menangani isu membabitkan kumpulan peniaga yang beroperasi dalam bentuk kartel dan monopoli.

"Satu hal sangat memprihatinkan ialah soal kebimbangan rakyat kerana masih berdepan isu harga dan kos sara hidup meningkat. Jadi, saya minta dalam belanjawan ini, usahakan juga masalah kartel, monopoli dan punca kenapa harga barang naik," katanya.

Beliau berkata demikian dalam amanat pada Majlis Perhimpunan Bulanan bersama Warga Kementerian Kewangan (MoF) yang turut dihadiri Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan Ketua Se-

tiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican.

Jelasnya, menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memberi penyelesaian kepada rakyat yang masih terkesan dengan kos sara hidup dan MoF harus memikirkan menerusi usaha rentas kementerian mencari kaedah mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Perdana Menteri menegaskan, kos sara hidup meningkat antara lain disebabkan oleh masalah ketirisan, rasuah, penyeludupan dan kartel walaupun harga barangan seperti gula, tepung dan minyak di Malaysia masih yang paling murah.

"Tapi bagi rakyat Malaysia, masih rasa terbeban dan mereka tidak membandingkannya dengan Singapura atau Indonesia. Sama juga (harga) baja, benih dan semuanya, harus kita tangani di mana Kementerian Kewangan, terutama perancang perlu fikir (usaha) rentas kementerian," katanya.

Beri faedah kepada rakyat

Sementara itu, berucap melancarkan Perumahan Penjawat Awam Malaysia MADANI (PPAM MADANI) di Bandar Sri Permaisuri di ibu negara selepas itu, Anwar memberi jaminan kadar peningkatan ringgit akan disumbangkan semula kepada rakyat.

Tegas Perdana Menteri, beliau melihat tiada erti kekuatan ringgit dan pelaburan luar yang masuk ke Malaysia jika ia tidak memberi faedah kepada rakyat melalui projek yang menyantuni mereka secara langsung.

"Sebab itu di Wilayah Perse-



Anwar berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan bersama Warga Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/B)

kutuan, mesti beri penekanan kepada projek menyantuni rakyat secara langsung. Bangunan pencakar langit sudah banyak, jika ada sektor swasta ingin bangunan silakan, tapi kerajaan tidak menjadikan ini keutamaan lagi.

"Saya tidak mahu bermegah Malaysia atau Kuala Lumpur punya bangunan tinggi dan hebat, terkemuka di dunia," katanya.

Dalam perkembangan sama, Anwar berkata, terma 'terbaik' dalam mengaitkan pengukuhan ringgit ketika ini merujuk kadar peningkatan, bukannya merujuk ia sebagai terbaik di Asia.

Beliau berkata, pencapaian itu disumbang banyak pihak, selain kestabilan politik dan dasar kerajaan yang jelas, perkhidmatan penjawat awam yang berdedikasi dan peranan dimainkan sektor swasta.

Perdana Menteri turut mengulas isu sama pada majlis di Putrajaya sebelumnya, menegaskan kekuatan ekonomi domestik dan dasar kurang popular seperti penyasaran subsidi berjaya meningkatkan keyakinan pelabur, sekali gus menyumbang kepada pengukuhan ringgit.

Keadaan itu turut dibantu hasil usaha dan peranan pelbagai pihak, khususnya MoF serta agensi di bawahnya, menyaksikan ekonomi dan ringgit ketika ini dalam kedudukan sangat meyakinkan walaupun keadaan geopolitik dunia agak membimbangkan.

"Kekuatan ringgit ketimbang 14 tahun lalu sangat membanggakan, tentu ada sebab, faktor-faktor kenapa ada keyakinan. Kerana kekuatan ekonomi domestik, langkah diambil. Jadi kalau ini tonggakannya, tentulah (usaha)

keluarga MoF," kata Anwar.

Tegasnya, kesediaan kerajaan melaksanakan reformasi ekonomi, menghentikan ketirisan dan memerangi rasuah memberi keyakinan kepada pelabur, begi juga penyasaran subsidi bagi menghentikan kebocoran syer penyeludupan.

"Namun saya dimaki 'berbakul-bakul', tetapi penyasaran subsidi seperti yang kita tahu semua Perdana Menteri sebelum ini, hampir semua parti sebelum ini dalam kerajaan setuju ia harus (dilaksanakan) untuk menghentikan kebocoran.

"Saya tak faham kenapa orai politik pertahankan penyeludupan, kenapa izinkan ketirisan berbilion ringgit, tetapi untu menolak prinsip penyasaran subsidi, itu tentunya kurang bijak kurang waras," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh... 07 AUG 2024

Tarik subsidi, tutup operasi jika seleweng diesel

7/8
utusan

Oleh **TENGKU DANISH BAHRI**
TENGKU YUSOFF
utusannews@mediamula.com.my

KUALA TERENGGANU: Persatuan nelayan di seluruh negara diingatkan tidak terlibat dalam aktiviti penyelewengan diesel bersubsidi atau berdepan risiko dikenakan tindakan tegas.

Pengerusi Lembaga Kema-juan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, pihaknya memandang serius isu berkenaan dan tidak teragak-

agak menghukum nelayan yang terlibat termasuk menarik balik kelayakan untuk subsidi bahan api itu serta menutup operasi persatuan.

Katanya, LKIM sentiasa memantau aktiviti itu meskipun kesalahan melibatkan minyak diesel bersubsidi nelayan ketika ini masih terkawal.

"Berdasarkan kajian LKIM, tidak berlaku ketirisan ketara dan yang berlaku hanya kes terpencil dengan dua, tiga kesalahan direkodkan pada tahun ini,"

katanya ketika ditemui selepas Program Ramah Mesra Madani Pengerusi LKIM di Pelabuhan Chendering di sini, semalam.

Dalam program itu, Muhammad Faiz menyerahkan bantuan peralatan bernilai RM225,000 kepada 99 nelayan selain peruntukan RM300,000 kepada tiga persatuan nelayan kawasan bagi projek ternakan ikan.

Beliau turut memberi contoh sebuah stor haram di Sungai Besar, Selangor dan stesen minyak di Kerteh, Kemaman yang ditu-

tup kerana menyeleweng minyak diesel bersubsidi pada Mac dan Mei lalu.

Tambahnya, Terengganu akan terus diberi perhatian khusus kerana potensinya dengan sumber laut yang banyak walaupun jumlah pendaratan ikan kelapan tertinggi dengan hanya 14,443 metrik tan pada 2023.

"Setakat Jun lalu, 6,516 metrik tan direkodkan di lapan kompleks LKIM seluruh Terengganu dan didorong kekurangan peng- usaha kelas C dan C2," ujarnya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 07 AUG 2024

SALARY HIKE

Anwar: Civil servants' pay mechanism will be shared soon

7/8/24

KUALA LUMPUR: The mechanism for adjusting civil servants' salaries will be announced this month, says Prime Minister

Datuk Seri Anwar Ibrahim. He said the preliminary details, or "rough calculations", will be shared soon, with full details to

be disclosed during the tabling of the 2025 Budget.

"I will announce parts of the civil servants' salary adjustment in a few weeks, and the complete details will be revealed in October.

"The implementation will start in December.

"The salary hike for civil servants is the highest in the country's history.

"There had been no review of civil servants remuneration scheme for 12 years," Anwar said at the launch of the Madani Civil Servants' Public Housing (PPAM Madani) project named Pixel City Sentral Permaisuri here yesterday.

Anwar, who is also finance minister, said the government recognised the contributions of civil

servants in the country.

He said even though governments and prime ministers had changed, the professional dedication of civil servants remained constant.

"With the restructuring of salaries, we hope to see improved services by civil servants that commensurate with the enhanced pay."

It was reported that Anwar would announce the details of the civil servants' salary adjustment mechanism at the 19th *Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam* (MAPPA) event on Aug 16.

Beginning next week, civil servants will be able to check and calculate their new salary under the Public Service Remuneration System (SSPA).

On another matter, Anwar said all future housing projects must allocate one or two blocks for affordable Madani units to help the lower-income group to own homes.

He said the government was willing to expedite approvals if developers met all the requirements.

"For each new housing project, I have instructed the Federal Territories Department and City Hall to ensure that one or two blocks are allotted for Madani housing units for the people."

It was reported that the Madani Inclusive Housing pilot project would target groups in major cities, such as Kuala Lumpur in the Klang Valley, and George Town in Penang.

	SUBUH (am)	SYURUK	ZUHUR	ASAR (pm)	MAGHRIB	ISTAK
Melaka	6:00	7:11	1:19	4:39	7:25	8:36
Penang	6:04	7:13	1:27	4:45	7:35	8:48
K. Lumpur	6:01	7:11	1:22	4:41	7:29	8:41
Johor Baru	5:55	7:06	1:13	4:33	7:18	8:29
Kuantan	5:56	7:07	1:16	4:36	7:22	8:34
Ipoh	6:02	7:10	1:24	4:43	7:32	8:44

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: 07 AUG 2024

BUDGET TO FOCUS ON COST OF LIVING

Govt won't shirk its responsibility, will ease burden on the people, says Anwar

FUAD NIZAM
AND ASILA JALIL
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

THE upcoming 2025 Budget will focus on managing the rising cost of living, said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar, who is also finance minister, said the government would not shirk its responsibility in providing comfort to the people.

"One very concerning issue is the public's worry about the rising cost of living.

"Although I can say that sugar, oil and flour, and fuel prices are among the cheapest in the region, I do not deny that the public still feels burdened," he said at the Finance Ministry's monthly assembly, here.

Anwar said the budget would

also address the problems of cartels, monopolies and the cause of price increases.

"In terms of fertilisers, seeds and everything else, we must address these issues where the Finance Ministry, especially as the planner, must think across ministries where its experience, whether in the enforcement or policy planning, will provide a better understanding," Anwar said.

He added that it was impossible that the government could not find ways to reduce costs.

The 2025 Budget will be tabled in the Dewan Rakyat on Oct 18.

The Finance Ministry in its pre-budget statement previously said it would focus on three short-term priorities to realise the goals of the Madani Economy.

They were raising the ceiling on economic restructuring towards greater competitiveness and higher value-added activities; raising the floor in improving the quality of life and inclusiveness of opportunities; and, strengthening governance and public delivery.

Economists said removal of licences for companies in certain sectors and monopolistic policies could be possible measures that

the government could take to reduce cost of living pressures in the budget.

Professor Dr Geoffrey Williams said the exclusive licences to certain parties had led to several monopolies in industries.

Therefore, he said removing these licences will open up competition and help lower prices and the cost of living.

Williams said monopolies in rice, medicine and healthcare sectors should be removed.

"Monopolies on consumer products such as rice are created by policy.

"There is no real economic reason why many companies cannot supply rice and hence, it should be removed," he said.

Williams added that the removal of the monopoly on drugs would reduce the price of medicine.

Ending the monopoly in healthcare would allow any doctor with an accredited degree to practise, besides solving the current contract doctor crisis in government hospitals and reduce private medical costs, he said.

On the other hand, Nusantara Academy Strategic Research Senior fellow Dr Azmi Hassan sug-

gested that the government should end monopolies on toll payment and e-hailing services.

"These two critical issues need to be addressed by introducing new policies to create more competition."

Bank Muamalat chief economist Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid said the removal of monopolistic policies was extremely important given that a fair, transparent and efficient market for goods and services would help establish the right price discovery mechanism.

On the budget itself, he anticipated allocations for direct cash transfer programmes as the government had rationalised subsidies.

"This will allow the government to save and use some of the savings for cash aid programmes, such as Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (Sara) and early school assistance, among others," he added.

Azmi also expected the STR to be increased given that the nation's economy was heading in a good direction.

"The current cash aid via STR is

still not enough because of the high cost of living, and most probably some businesses are taking advantage by increasing the cost of products and services after the diesel subsidy was introduced.

"The economic growth above 5.0 per cent might be translated into a higher amount of STR and also recipients of the cash aid could be expanded," he said.

On the government's ability to provide a better budget, Williams said it was a possibility with savings from subsidy rationalisation, including diesel and utilities.

He added that a new RM10 billion commitment for higher civil service salaries needed to be funded.

Williams suggested that the government should consider an e-payment tax (EPT) to raise more revenue.

Based on his latest estimation of a 1.0 per cent EPT rate, he said the tax could raise RM13.9 billion, which would be enough to end individual income tax for everyone below the T20 threshold, and still leave RM7.5 billion for extra spending on health, education and social protection. **Additional reporting by Diyana Isamudin**

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: 07 AUG 2024

'Provide better service after salary adjustment'

sun
7/8

► Prime minister also calls on civil servants to work together with govt to develop country

KUALA LUMPUR: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has urged all civil servants to provide better service to the people, in line with the salary adjustment to be announced by the government.

Emphasising this at the launch of the Malaysia Madani Civil Servants' Housing programme in Bandar Sri Permaisuri, Anwar said the method and details of the salary adjustment will be announced, with some details to be revealed this month.

"Although there are dissenting voices that never understand gratitude and never accept reality, believe me, I will announce it later, partly in August and fully, as I promised, in October in the national Budget. It will be implemented starting Dec 1.

"What is the scheme for civil servants? It is the highest salary increase in the nation's history since independence, for two reasons. First, the country is developing but there has been no comprehensive salary review for 12 years and second, to recognise their role," he said.

Also present were Housing and Local Government Minister Nga Kor Ming, Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories) Dr Zaliha Mustafa, Chief Secretary to the Government Tan Sri Mohd Zuki Ali, Public Service Director-General Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz and Bandar Tun Razak MP Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Bernama reported.

The mechanism for adjusting civil

servant salaries will be announced by Anwar during the 19th *Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam* on Aug 16 at the Putrajaya International Convention Centre.

Anwar also said civil servants need to work together with the government in developing the country.

"In this *Madani* nation, we must ensure a sustainable economy, and *Alhamdulillah*, as reported, the strength of the ringgit, which has been an issue for us, has returned with confidence. The performance of the ringgit today is the best compared with the past 14 years.

"What is the basis for this? Certainly, it is because of stable politics, clear policies, dedicated civil servants and private sector officers. All these play a role in achieving it," he said.

On Aug 2, the ringgit was at 4.49 against the US dollar at the close.

It increased by 1.6% against the US dollar after recording a 10-day consecutive rise, the best performance since 2010.

THE SUN

Tarikh: 07 AUG 2024

Malaysia's Services Producer Price Index increases 0.7% in second quarter

PETALING JAYA: Malaysia's Services Producer Price Index (SPPI) increased marginally by 0.7% in the second quarter of 2024 compared to 1% in the first quarter of 2024.

Chief Statistician Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin said, "The arts, entertainment & recreation index rose 7.7% as against 7.5% in the first quarter of 2024 contributed by the other amusement & recreation activities (2.3%). The index of accommodation and food & beverage service activities continued to increase by 2.4% (Q1 2024: 2.5%) attributed to beverage service activities (3.6%) and restaurants & mobile food service activities (2.6%), following an incline in food prices."

Meanwhile, the education subsector inched up 0.8%, similar to the previous quarter, contributed by secondary education (2.2%).

"Real estate activities was also on a similar trend, increasing by 0.8% as compared to 0.6% in the first quarter of 2024. In meantime, health and professional indices went up by 0.3% and 0.2%, respectively," he remarked.

Conversely, Mohd Uzir said, the transport shrank by negative 1.4%, after recording no changes in the previous quarter, particularly due to the passenger air transport index (-5.9%). The downturn has been seen since the fourth quarter of 2023.

Apart from that, the information & communication index decreased by negative 0.1% from an increase of 0.1% in the previous quarter due to wireless telecommunication activities (-0.2%).

"On a quarter-on-quarter basis comparison, SPPI contracted by negative 0.1%, after an increase of 0.3% in the first quarter of 2024. This was the first decline since the fourth

quarter of 2020 during the Covid-19 pandemic. The decline was mainly due to the transportation index, which recorded a negative 2.0% (Q1 2024: 0.7%) attributed to passenger air transport (-6.8%)," he said, adding that the information & communication index was also down by negative 0.2%, from an increase of 0.1% in the previous quarter, owing to wireless telecommunication activities (-0.2%).

However, the arts, entertainment & recreation index increased at a faster rate of 4.0% as compared to 0.2% in the first quarter of 2024. In addition, the accommodation and food & beverage service activities index went up slightly by 0.6%, followed by education (0.3%) and real estate activities (0.2%) indices.

Meanwhile, both health and professional indices recorded slight increases of 0.1%, respectively.

THE SUN

07 AUG 2024

Tarikh: